

Jangkitan pulpa rosakkan gigi

Rawatan salur akar boleh memulihkan gigi dan mengelakkannya dicabut

>>Oleh **NORAINON OTHMAN**
norainon@hmetro.com.my

SATU alat seperti gerudi tetapi saiznya kecil dan halus dimasukkan ke dalam mulut, kemudian dipulas-pulas. Beberapa kali prosedur sama dijalankan. Bagi sebilangan orang, cara dilakukan dianggap mengeirakan dan membuatkan kita ngilu. Tidak pasti bahagian mana digerudi kerana mulut terasa kebas selepas dibius.

Itu pengalaman biasa dilalui individu yang berjumpa doktor gigi bagi menjalani rawatan salur akar (rawatan endodontik). Gerudi dimaksudkan ialah alat kikir gigi yang perlu digunakan untuk menebuk pulpa saraf.

Tidak banyak pilihan yang ada untuk mereka yang mengalami masalah sakit gigi iaitu sama ada melakukan rawatan salur akar atau terus bertahan dengan kesakitan dan ketidakselesaan yang akan bertambah teruk, jang-

lam boleh menyebabkan pulpa mengalami keradangan, gigi yang pernah mengalami kecederaan berubah warna atau timbul nanah pada gusi yang menunjukkan jangkitan kuman berpanjangan.

"Rawatan salur akar ialah kaedah rawatan dalam bidang kepakaran endodontics iaitu endo (dalam) dan odont (gigi) yang merawat bahagian dalaman gigi.

"Rawatan itu dilakukan bagi membolehkan gigi yang rosak dipulihkan dan diselamatkan daripada dicabut," katanya.

Gigi mempunyai tiga lapisan iaitu enamel, dentin dan urat saraf (pulpa). Keradangan boleh terjadi pada gigi yang berlubang atau ada tampalan.

Dilema sakit gigi SENARIO 1

Gigi geraham Muaz mula

berdenyut-denyut selepas makan. "Rasanya sudah tiada lubang, bukankah sebulan lepas ke klinik gigi untuk menjalani tampalan kekal?" Denyutan makin bertambah kuat, kali ini sudah mula naik ke kepala. Malam itu, Muaz tidak lelap walaupun sesaat. Mujur ada ubat tahan sakit yang melegakan sedikit kesakitan dialami. Bagaimanapun, tidak sampai dua jam gigi berdenyut balik.

● Tampalan yang besar lagi dalam boleh menyebabkan pulpa mengalami keradangan

SENARIO 2

Ketika berumur sembilan tahun, Tisyah pernah tersungkur ketika bermain dengan kawan. Gigi depan sumbing sedikit tetapi tidak patah. Kini peristiwa itu sudah 15 tahun berlalu. Baru hari ini dia menyedari warna giginya berubah menjadi sedikit perang kehitaman. Hairannya, gigi berkenaan langsung ti-

denyut. **Senario 2** pula merujuk kepada pulpa gigi yang sudah mati (necrotic pulp) sehingga menyebabkan perubahan pada warna gigi yang akan menjelaskan rupa paras si bakal pengantin.

Senario 3 berbeza sedikit kerana rawatan salur akar sudah dijalankan setahun sebelumnya tetapi gusi masih bernanah. Ini menunjukkan rawatan berkenaan gagal. Besar kemungkinan punca penyakit disebabkan jangkitan kuman berterusan daripada salur akar yang masih tercemar dengan bakteria walaupun pernah dirawat.

Indikasi rawatan salur akar

● Gigi yang mengalami kerosakan sehingga memabitkan lapisan paling dalam iaitu pulpa. Jika pulpa mengalami keradangan yang tidak berbalik atau mati, rawatan ini boleh dijadikan pilihan. Ini termasuk gigi yang tidak rosak tetapi mempunyai tampalan yang besar lagi

FAKTA GRAFIK → STRUKTUR GIGI



Kitan atau nanah akan terjadi pada gigi dan gigi itu mungkin terpaksa dicabut.

Pakar Endodontik dan Pensyarah Kanan Jabatan Pergigian Operatif, Fakulti Pergigian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Wan Noorina Wan Ahmad, berkata rawatan salur akar ialah prosedur klinikal dijalankan ke atas gigi yang mempunyai pulpa saraf yang akan atau sudah mati bagi mencegah atau merawat penyakit keradangan sekitar akar gigi.

Menurutnya, kaedah dilakukan ialah membuang nanah pada salur akar dan menghapuskan bakteria pada bahagian berkenaan menggunakan klorox. Bagi memastikan kawasan untuk rawatan sentiasa kering, permukaan mulut ditebat dengan tampalan putih atau amalgam.

Katanya, untuk kerja pemasangan korona (crown), cerucuk diletakkan di tengah gigi manakala bahagian tepi atau sekeliling gigi dipotong bagi memudahkan disarung dengan korona.

“Antara masalah sakit gigi ialah tampalan besar dan da-



Tampalan gigi besar dan dalam boleh menyebabkan pulpa mengalami keradangan, timbul nanah dan gigi berubah warna”

>Dr Wan Noorina Wan Ahmad
Pensyarah Kanan Jabatan Pergigian Operatif
Fakulti Pergigian UKM

dak sakit. Gigi yang merisaukannya ialah bulan depan, Mokhsin hendak masuk meminang. Malunya dia dengan perubahan warna giginya.

● Gigi yang pernah mengalami kecederaan sering berubah warna

SENARIO 3

Leya masih rasa kurang selesa. Bisul pada gusi timbul lagi dan ini masuk kali ketiga. Setahun lalu, dia habis belanja untuk rawatan salur akar tetapi sehingga kini, masih mengalami masalah gusi. Antibiotik dibekalkan juga nampaknya tidak berkesan.

● Bisul atau nanah pada gusi menunjukkan jangkitan yang berpanjangan

Semua senario di atas mempunyai diagnosis berbeza tetapi memerlukan rawatan sama.

Senario 1 merujuk keadaan pulpa yang mengalami keradangan yang tidak berbalik (irreversible pulpitis) yang serius dan simptomnya seperti dialami Muaz. Keadaan ini memang menyakitkan, mengganggu rutin seharian dan wajar dirawat dengan segera.

nyai tampalan yang besar lagi dalam dan korona gigi asli yang patah akibat kecederaan.

● Gigi yang akan dimatikan secara elektif untuk memberi ruang bagi pelantikan tiang post atau cerucuk sebagai penyokong teras dan korona gigi, atau gigi yang akan menjalani pembuangan sebahagian akar gigi.

Bagaimanapun, tidak semua gigi boleh dirawat dengan rawatan ini. Ini termasuk:

● Gigi yang tidak dapat diselamatkan akibat kehilangan struktur korona yang teruk.

● Gigi yang tidak dapat berfungsi dengan baik untuk mengunyah.

● Gigi yang sangat goyang iaitu tidak cukup sokongan daripada gusi dan tulang.

● Gigi yang mempunyai ramalan meragukan (poor and questionable prognoses) dan pesakit yang tidak dapat memberikan kerjasama ketika rawatan dibuat.

● Pesakit yang mempunyai tahap kesihatan mulut yang teruk dan tidak dapat dipulihkan dalam tempoh yang munasabah.

● Gigi yang retak atau patah akar.

Sebelum mendapatkan rawatan, beberapa perkara perlu diambil perhatian. Semua senario di atas perlu menjalani pemeriksaan gigi di klinik. Simptom dan riwayat yang berkaitan perlu diteliti dengan sebaik mungkin.

Siasatan dimulakan dengan memeriksa gigi aduan dan ujian rangsangan dijalankan, diikuti pengambilan radiograf. Hasil interpretasi semua data terbabit, baru diagnosis dan rancangan rawatan dapat diberikan.

Dr Wan Noorina berkata, sebagai pelanggan perkhidmatan, pesakit harus memberikan keizinan secara suka rela mengenai pilihan rawatan terbaik, sesuai dengan keadaan dirinya.

Selain rawatan salur akar, pesakit juga boleh memilih sama ada untuk cabutan atau tidak mendapatkan rawatan hanya selepas menimbang segala risiko dan manfaat yang dapat diberikan hasil daripada rawatan salur akar.

Beliau berkata, pesakit perlu diberitahu mengenai kos rawatan dari awal hingga

tampalan kekal, termasuk rawatan korona, di samping jangkaan kejayaan rawatan sebelum rawatan dijalankan.

Sebagai contoh, jika kos membuat tampalan korona menjadi halangan selepas mendapatkan rawatan salur akar, boleh dianggap kebenaran rawatan tidak diperolehi. Ini kerana gigi yang dirawat dengan rawatan ini biasanya lemah dan perlu dilindungi dengan rawatan korona gigi.


Garis panduan rawatan endodontik berkualiti

Persatuan Endodontologi Eropah (2006) mengeluarkan satu laporan kesepakatan garis panduan rawatan salur akar berkualiti. Ia bagi menjaga kepentingan pesakit supaya rawatan diterima benar-benar memberi manfaat.

● Keperluan radiograf sebelum rawatan supaya penerangan dapat diperjelaskan.

● Bius setempat (jika diperlukan).

● Persiapan gigi, termasuk siasatan jika gigi masih boleh diselamatkan. Jika gigi tidak



SELESA... isolasi gigi bermasalah menggunakan empangan getah membuatkan pesakit lebih tenang.

boleh diselamatkan, rawatan salur akar boleh diabaikan.

- Isolasi gigi dengan empangan getah. Rawatan salur akar boleh dijalankan hanya jika gigi terabit dapat diasingkan dari air liur yang sentiasa membasahi gigi dan akan mencemarkan salur akar.

Selain itu, isolasi dapat mencegah alat kikir gigi daripada memasuki rongga pernafasan dan pemakanan di belakang tekak. Ini dapat dijalankan menggunakan empangan getah. Ia juga dapat mengelakkan pesakit tertelan larutan cucian seperti klorox ketika rawatan.

- Akses kepada kebuk pulpa supaya kandungan pulpa dapat dikeluarkan.

- Ukuran kepanjangan kerja yang bersesuaian dengan panjang akar gigi.

- Penyediaan salur akar dengan peralatan kikir mengikut bentuk sesuai.

- Cucian dengan cecair irigasi sodium hypochlorite (larutan klorox) yang terbukti dapat membunuh bakteria dengan berkesan.

- Bubuh ubat dan tampalan sementara dalam sela masa temujanji.

- Membuat tampalan salur akar dan tampalan kekal pada korona gigi.

Jika garis panduan ini tidak dipatuhi, kemungkinan berlaku kegagalan rawatan salur akar adalah tinggi. Senario 3 jelas menunjukkan contoh rawatan salur akar gagal dan simptom dialami berpanjangan akibat jangkitan kuman berterusan di dalam salur akar. Pilihan rawatan bagi pesakit ini ialah rawatan ulangan salur akar yang kosnya jauh lebih tinggi.

Walau apapun rawatan dipilih, menjadi tanggungjawab bersama pesakit dan pengamal pergigian untuk menilai semula rawatan salur

akar ini berserta tampalan kekalnya sekurang-kurangnya setahun selepas selesai rawatan bagi mengesahkan kejayaan rawatan.

Dr Wan Noorina berkata, pesakit perlu tahu risiko dan faedah dia membuat rawatan, di samping dimaklumkan mengenai kos keseluruhan rawatan.

Bagi kes yang belum pulih, pemantauan susulan harus dilakukan sehingga pulih sepenuhnya atau sekurang-kurangnya empat tahun, baru boleh dianggap rawatan itu gagal. Pesakit boleh memikirkan pilihan cabutan dan rawatan pergigian lain.

Bagaimanapun, mencabut gigi boleh menjejaskan sedikit tulang pipi yang menyebabkan pipi cekung, terutama jika gigi yang dicabut ialah gigi taring. Pelan rawatan akar biasanya dilakukan beberapa kali, misalnya tiga kali.